

# Saintis UPM menang pingat emas Isesco

Oleh Rosniza Mohd Taha

[yoniza@bharian.com.my](mailto:yoniza@bharian.com.my)

**S**AINTIS Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Mohd Sapuan Salit, menerima pingat emas Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization (Isesco) 2008 kategori Teknologi di Baku, Azerbaijan, baru-baru ini.

Kejayaan beliau berdasarkan penyelidikannya dalam rekaan dan penghasilan produk polimer komposit berkualiti tinggi yang membabitkan kos rendah dan penjimatan masa.

Selain Mohd Sapuan, lima saintis Islam lain dari Lebanon, Kyrgyzstan, Senegal, Jordan dan Tajikistan turut dianugerahkan pingat emas berkenaan serta ganjaran wang

tunai RM17,000.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pengarah Isesco, Dr Abdul Aziz Othman Altwajri dan Timbalan Perdana Menteri Azerbaijan, Elchin Efendihev.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin turut hadir pada majlis berkenaan.

Hadiah Isesco dianugerahkan kepada saintis Islam yang menyumbangkan penyelidikan dalam bidang biologi, kimia, geologi, matematik, fizik dan teknologi.

## FAKTA NOMBOR

**RM17**  
ribu

Ganjaran hadiah Isesco 2008



MOHD SAPUAN (kiri) bergambar kenangan bersama Mohamed Khaled dan delegasi Isesco, baru-baru ini.